

Prof Dr Morshidi Sirat Naib Canselor baru UNIMAS



SERAH TUGAS ... Prof. Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid menyerahkan dokumen kepada Prof. Dr Morshidi Sirat (kanan) dan di saksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Datu Dr Hatta Solhi pada majlis penyerahan tugas Naib Canselor UNIMAS semalam. • NORDIN MD DIAH

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Pelan strategik akan dirangka untuk terus menjadikan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai sebuah pusat kecemerlangan akademik di rantau ini.

Naib Canselor UNIMAS Prof Dr

Morshidi Sirat berkata, kecemerlangan UNIMAS dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dibuktikan apabila ramai graduan dari universiti itu berjaya menempatkan diri dalam pelbagai pasaran sama ada sektor kerajaan mahu pun swasta dan sebagainya.

Menurutnya, untuk itu adalah perlu pelan strategik dirangka bagi memastikan kecemerlangan UNIMAS dalam

pelbagai bidang diiktiraf.

“Saya memikirkan untuk melaksanakan pelan strategik berdasarkan pengalaman saya bertugas di Universiti Sains Malaysia (USM) selama 31 tahun dan di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) lebih dua tahun untuk merealisasikan harapan seluruh masyarakat menjadi UNIMAS sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam akademik,” katanya selepas Majlis

Penyerahan Tugas Naib Canselor UNIMAS di Rumah Universiti di sini hari ini.

Prof Dr Morshidi Sirat, 58, dilantik sebagai Naib Canselor UNIMAS yang baharu menggantikan Prof Datuk Dr Khairuddin yang bersara setelah memegang jawatan itu selama lima tahun.

Majlis penyerahan tugas itu telah disaksikan oleh Pengerusi Lembaga

Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi.

Kata Dr Morshidi, pelan-pelan strategik yang dirancang itu lebih kepada pencarian sumber-sumber, kajian serta penyelidikan yang digunakan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

“Untuk terus bersaing di peringkat global adalah amat penting idea-idea baharu dijana bagi memastikan universiti ini terus kekal relevan dan kedudukannya sebagai pengeluar modal insan yang utama di negeri ini dapat dipertingkatkan lagi,” jelasnya.

Katanya, kerjasama daripada semua warga UNIMAS juga amat penting bagi membantu dalam usaha-usaha terus membangunkan universiti dari semasa ke semasa.

Sementara itu, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid berharap Naib Canselor baharu yang dilantik akan terus memberi idea-idea baharu yang boleh membantu kepada kemajuan UNIMAS berdasarkan pengalaman luas beliau sebelum ini.

Menurutnya, UNIMAS telah menjadi ikon kepada seluruh masyarakat di Sarawak selama ini kerana keupayaan melahirkan modal insan yang cukup cemerlang dalam pelbagai sektor pasaran kerja.

“Kecemerlangan UNIMAS dalam bidang penyelidikan telah menjadikan universiti ini mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa seperti Anugerah Kualiti Antarabangsa, perkongsian media dan industri dan sebagainya,” jelasnya.

Katanya, sepanjang menjawat jawatan itu beliau berbangga melihat pencapaian yang dicapai UNIMAS khasnya dalam bidang penyelidikan yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.